

NO. KAD PENGENALAN:

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA: TINGKATAN:



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026
SEJARAH TINGKATAN 5

Kertas 1
1 jam

1249/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Menguruskan perbendaharaan secara teratur.

Siapakah pembesar tersebut?

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Temenggung
- D Penghulu Bendahari

- 2 Situasi berikut merujuk kepada Undang-undang Laut Melaka.

Seorang malim telah dijatuhi hukuman bunuh kerana lalai dalam menjalankan tugasnya.

Apakah kelalaian yang mungkin dilakukan oleh malim tersebut?

- A Menukar jadual pelayaran
- B Mengingkari arahan nakhoda
- C Mengenakan cukai tambahan
- D Menyebabkan pelanggaran kapal

- 3 Mengapakah berlaku Revolusi Keagungan 1688 di England?

- I Memperjuang hak asasi rakyat
 - II Menegakkan kedaulatan parlimen
 - III Menentang penjajahan kuasa asing
 - IV Mempertahan peradaban tradisi bangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4 Karya penulisan berikut telah dihasilkan pada abad ke-20 di negara kita.

Tajuk	Penulis
<i>Melor Kuala Lumpur</i>	Harun Aminurrashid
<i>Cerita Awang Putat</i>	Abdul Rahim Kajai

Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui karya tersebut?

- A Pengekalan hak istimewa penduduk
 - B Keperitan hidup bangsa yang dijajah
 - C Kepentingan pendidikan kaum wanita
 - D Pembaharuan dalam sistem pentadbiran
- 5 Peristiwa berikut berlaku ekoran krisis di rantau Balkan.

Pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Liga Bangsa-Bangsa dibubarkan
- B Operasi Barbarossa dilancarkan
- C Perang Dunia Pertama tercetus
- D Wilayah Rhineland dicero boh



6 “Wang pokok pisang” berikut digunakan di negara kita semasa pendudukan Jepun.



Apakah yang berlaku apabila pihak Jepun mencetak mata wang tersebut tanpa kawalan?

- A Kadar infasi meningkat
 - B Pelaburan asing merosot
 - C Harga barangan menurun
 - D Ekonomi berkembang maju
- 7 British Military Administration (BMA) diperkenalkan di Tanah Melayu pada 12 September 1945. Mengapakah BMA gagal mengembalikan kepercayaan rakyat kepada British?
- A Salah guna kuasa dalam pentadbiran
 - B Jurang ekonomi antara kawasan meluas
 - C Pengaruh komunis semakin berkembang
 - D Ketidakupayaan memulihkan sosioekonomi
- 8 Apakah kesan penyerahan Sabah kepada British pada 26 Jun 1946?
- A Penentangan rakyat berlaku
 - B Wilayah negeri diperluaskan
 - C Bertukar menjadi tanah jajahan
 - D Sistem kesukuan menjadi lemah

- 9 Apakah perkara yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja 1946 dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu?
- I Memberi kerakyatan secara terbuka
 - II Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu
 - III Memelihara keistimewaan orang Melayu
 - IV Menubuhkan Dewan Perundangan Pusat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 10 Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) membantah apabila Perlembagaan Rakyat ditolak oleh British. Apakah bentuk bantahan tersebut?
- A Menganjurkan hartal
B Menyerahkan memorandum
C Mengadakan pilihan raya umum
D Menubuhkan parti politik baharu
- 11 Kerajaan memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan kepada penduduk Tanah Melayu semasa zaman darurat. Apakah tujuan tindakan tersebut?
- A Mengawal pergerakan masyarakat
B Mengembangkan ekonomi negara
C Mengukuhkan sistem pendidikan
D Menggalakkan perpaduan kaum

12 Maklumat berikut berkaitan satu peristiwa sejarah.

1955	Rundingan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan pihak komunis di Baling.
------	--

Mengapakah rundingan tersebut tidak mencapai persetujuan?

- A Pilihan Raya Umum ingin dilaksanakan
 - B Parti Komunis Malaya tidak diiktiraf
 - C Kerajaan menolak bayaran pampasan
 - D Keengganan melibatkan kuasa asing
- 13 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 mencadangkan penggunaan sukatan pelajaran yang seragam dan bahasa pengantar yang sama. Apakah kepentingan langkah tersebut?
- A Memperluas pasaran ekonomi
 - B Memupuk nilai kewarganegaraan
 - C Meningkatkan kemajuan teknologi
 - D Mengukuhkan hubungan diplomatik
- 14 Persidangan Kebangsaan yang berlangsung pada bulan Februari 1954 diadakan bagi membincangkan perkembangan politik Tanah Melayu. Apakah tuntutan yang dikemukakan dalam persidangan tersebut?
- A Pilihan raya di peringkat Persekutuan
 - B Pengembalian kuasa rakyat tempatan
 - C Pemberian kewarganegaraan terbuka
 - D Pembentukan Kabinet pertama
- 15 Mengapakah Pilihan Raya Umum Pertama Tanah Melayu pada tahun 1955 diadakan?
- I Memperkukuh kerjasama rakyat
 - II Menghalang kemasukan imigran
 - III Mengawal pemberian kerakyatan
 - IV Mempercepat proses kemerdekaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Apakah kepentingan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955?
- A Menjayakan perkongsian kuasa
 - B Menghapuskan nasionalis radikal
 - C Menyekat pengaruh negatif komunis
 - D Memperjuangkan pentadbiran tempatan
- 17 Mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan kemerdekaan ke Karachi menggunakan kapal laut?
- A Menjimatkan kos perbelanjaan
 - B Berunding tentang misi di London
 - C Mendapatkan sokongan negara serantau
 - D Berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu
- 18 Apakah Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Mengekalkan raja berkuasa mutlak
 - B Mewujudkan kerajaan negeri yang kuat
 - C Menyediakan satu bentuk kewarganegaraan
 - D Mengukuhkan kedudukan rakyat pelbagai kaum
- 19 Antara berikut, manakah lokasi yang menjadi tumpuan upacara pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?
- I Istana Negara
 - II Stadium Merdeka
 - III Padang Kelab Selangor
 - IV Kelab Sultan Sulaiman
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu menyertai Blok Sterling selepas merdeka?

- A Menjamin keselamatan negara
- B Mewujudkan kesejahteraan dunia
- C Memelihara kepentingan nasional
- D Menggalakkan pembangunan ekonomi

21 Maklumat berikut berkaitan dengan takrif kedaulatan.

- *Supernuus*
- *Superanus*

Apakah maksud kedaulatan mengikut bahasa Yunani?

- A Memiliki kuasa
- B Kuasa tertinggi
- C Kekuatan pentadbiran
- D Memperjuangkan hak

22 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara yang berdaulat.

- X
- Sempadan
- Perundangan
- Pemerintahan

Apakah X?

- A Rakyat
- B Kerajaan
- C Ketua negara
- D Lambang negara

23 Mengapakah undang-undang Charter of Justice diperkenalkan di Negeri-negeri Selat?

- A Mengukuhkan pentadbiran
- B Mempertahankan kerajaan
- C Melindungi penduduk asal
- D Meningkatkan ekonomi



24 Mengapakah berlaku pindaan Perlembagaan Persekutuan 1965?

- A Krisis perlembagaan
- B Pemisahan Singapura
- C Deklarasi kemerdekaan
- D Pembentukan Malaysia

25 Bagaimanakah Majlis Raja-Raja melaksanakan peranan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi?

- A Menerima diplomat asing
- B Menentukan dasar negara
- C Mentafsirkan undang-undang
- D Merundingkan pelantikan penting

26 Pernyataan berikut berkaitan dengan prinsip anggota Jemaah Menteri.

Tanggungjawab bersama secara kolektif kepada Parlimen.

Apakah berlaku sekiranya terdapat menteri yang tidak mengikut dasar tersebut?

- A Meletakkan jawatan
- B Melakukan pilihan raya
- C Membubarkan parlimen
- D Mengundi tidak percaya

27 Bagaimanakah amalan sistem Persekutuan diamalkan di negara kita?

- I Pemberian hak
- II Pembahagian kuasa
- III Penggabungan negeri
- IV Pemusatan pentadbiran
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 28 Mengapakah Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri diadakan?
- A Meluluskan undang-undang
 - B Menilai Kerajaan Tempatan
 - C Mengukuhkan Kerajaan Negeri
 - D Membincangkan pelaksanaan dasar
- 29 Mengapakah Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mencadangkan pembentukan Malaysia?
- A Potensi ekonomi
 - B Rancangan dekolonisasi
 - C Keseimbangan penduduk
 - D Kepentingan keselamatan
- 30 Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ditubuhkan semasa pembentukan Malaysia. Apakah tujuan penubuhannya?
- A Menyediakan rangka perlembagaan
 - B Menjadi ruang perbincangan
 - C Memupuk aktiviti hebahan
 - D Meninjau reaksi penduduk
- 31 Berikut ialah petikan ucapan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam Penyata Perbahasan di Dewan Rakyat.

“Pemisahan Singapura merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan”

Tunku Abdul Rahman: Dewan Rakyat, 9 Ogos 1965

Mengapakah beliau berpendapat sedemikian?

- I Tuntutan hak sama rata
 - II Peluang ekonomi terhad
 - III Ancaman peluasan kuasa
 - IV Konflik antara pemimpin
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 32 Kerajaan telah memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1966. Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?
- A Meningkatkan taraf hidup
 - B Mengukuhkan pertahanan
 - C Memupuk perpaduan rakyat
 - D Mengekalkan identiti bangsa
- 33 Bagaimanakah penggubalan Akta Pendidikan 1996 dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu?
- A Penekanan aktiviti kokurikulum
 - B Pengenalan sekolah aneka jurusan
 - C Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat
 - D Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- 34 Gambar berikut menunjukkan logo Sukan Malaysia (SUKMA) 2026.



Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?

- I Memajukan industri pelancongan
 - II Mengeratkan integrasi antara negeri
 - III Memperkukuhkan perpaduan rakyat
 - IV Mengimbangi ekonomi antara kaum
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 35 Apakah matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971?
- A Meningkatkan kecekapan syarikat
 - B Menghapuskan sekatan dagangan
 - C Meningkatkan perolehan cukai
 - D Menyusun semula masyarakat
- 36 Dasar penswastaan dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada bulan Mac 1983. Apakah matlamat dasar tersebut?
- I Menggalakkan industri pelancongan
 - II Membangunkan kemajuan ekonomi
 - III Meningkatkan kualiti perkhidmatan
 - IV Menggiatkan pembukaan tanah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37 Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?
- A Persamaan bahasa
 - B Peluang pekerjaan
 - C Keperluan nasional
 - D Kedudukan geografi
- 38 Pada tahun 1970, Malaysia telah menandatangani Perisytiharan Lusaka. Apakah tujuan perisytiharan tersebut?
- A Peningkatan kerjasama ekonomi
 - B Pengharaman senjata nuklear
 - C Penyeragaman mata wang
 - D Melindungi hak asasi

39 Berikut merupakan anugerah yang diberikan kepada warganegara Malaysia.



Apakah tujuan anugerah tersebut diperkenalkan?

- A Sokongan ekonomi serantau
- B Menyertai aktiviti kesukanan
- C Sumbangan dalam alam sekitar
- D Menjamin keselamatan makanan

40 Maklumat berikut berkaitan pandangan Malaysia terhadap kerelevanan organisasi antarabangsa.

Negara yang memiliki kuasa veto di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak sepatutnya meletakkan diri mereka terkecuali daripada undang-undang antarabangsa.

Mengapakah Malaysia berpandangan sedemikian?

- A Memantapkan pentadbiran pertubuhan
- B Menggelakkan penyalahgunaan kuasa
- C Melindungi keselamatan rakyat
- D Mengatasi keganasan global

KERTAS SOALAN TAMAT